

27/01/2002

Fahaman cetek punca umat Islam tercicir

Syed Akbar Ali

MENURUT beberapa pemerhati termasuk ibu bapa, sebahagian guru agama di sekolah sekarang mempunyai lebih autoriti daripada guru besar dalam menentukan aktiviti sekolah. Apa yang berlaku, guru agama di sekolah menggunakan kedudukan dan pengaruh mereka untuk menghalal atau mengharamkan program atau aktiviti tertentu sesuka hati dengan menggunakan alasan agama.

Sebagai contoh, seorang guru agama pernah membantah terhadap penubuhan pancaragam sekolah atas pegangan salahnya main alat muzik Barat seperti biola haram di sisi agama. Walaupun sekolah itu mendapat peruntukan RM35,000 untuk menubuhkan pancaragam, akhir sekali murid sekolah dinafikan peluang untuk menyertainya.

Pertama sekali ia menjadi dosa besar dan juga syirik bagi sesiapa pun mengeluarkan hukum sesuka hati dan kemudian menjual hukum itu atas nama Allah dan nabi. Allah dan Rasul-Nya memberi kita teguran mengenai perbuatan berdusta atas nama Allah:

"Siapakah yang terlebih aniaya daripada orang yang mengada-adakan dusta terhadap Allah, sedang dia diseru kepada Islam? Allah tidak menunjuk kaum yang aniaya itu." - Surah 61:7

Oleh itu amalan mengharam atau menghalalkan sesuatu sesuka hati amat besar dosanya di sisi Allah. Selain daripada menjadi pegangan salah, murid-murid sekolah juga tidak berpeluang mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum yang sihat dan baik seperti pancaragam sekolah.

Pancaragam sekolah bukan saja mengajar murid main alat muzik tetapi ia juga membabitkan latihan kawat dan juga tanggungjawab menjaga alat muzik, bergerak sebagai pasukan dan pengalaman daripada menyertai peraduan dan perarakan pancaragam sekolah.

Aktiviti kokurikulum seperti ini boleh membentuk generasi muda menjadi lebih yakin dan berwibawa. Tetapi semua ini terpaksa menjadi korban kerana seorang guru agama yang mempunyai fahaman cetek mengenai agama diberi ruang yang besar untuk bersuara dalam hal ehwal sekolah yang sepatutnya tidak ada kena mengena dengannya.

Umat manusia lain di seluruh dunia termasuk kaum lain yang hidup dalam negara kita tidak dikongkong kepercayaan karut seperti ini. Oleh itu anak mereka boleh maju jauh lebih cepat daripada anak kita. Kita pula masih menggaru kepala apakah sebabnya segala usaha kita gagal menghasilkan generasi muda yang boleh berdikari dan bersaing dengan kaum lain.

Guru agama juga sering menjadi orang yang digeruni murid sekolah. Guru disiplin biasanya ditakuti murid-murid kerana tugasnya menjaga disiplin termasuk tindakan disiplin atas murid yang melanggar peraturan. Tetapi guru agama ditakuti kerana mereka menggunakan taktik menakutkan murid dengan neraka dan bala bencana untuk mencapai tujuan mereka.

Guru lain dan guru besar juga segan terhadap guru agama atas sebab ini juga. Anak muda dan juga guru lain tidak berani membantah apabila guru agama keluaran fatwa mengenai sesuatu perkara. Penghormatan yang tidak patut ini juga menyebabkan sebahagian guru agama berlagak sombong menjadi penguat kuasa agama di sekolah walaupun mereka masih muda dan baru tamat latihan guru.

Hakikatnya ialah guru agama juga manusia biasa seperti sesiapa juga. Dari segi kelulusan pun, seringkali mereka hanya lulusan kolej atau institut latihan kerana mereka gagal menceburi bidang lain. Fahaman mereka terhadap agama terhad kepada latihan yang dijalani. Guru agama mempunyai

peranan tertentu di sekolah tetapi tidak wajar bagi mereka diberi tanggungjawab di luar bidang mereka. Ini tidak lain daripada guru sukan atau matematik yang tidak masuk campur dalam bidang lain.

Malang sekali, ramai orang yang berpendidikan agama sering mengalami masalah saya lebih Islam daripada awak ataupun holier than thou. Sebahagian guru agama tidak terlepas daripada kelemahan ini. Oleh itu mereka sering melihat peranan mereka sebagai orang yang perlu mengeluarkan fatwa pengharaman terhadap pancaragam sekolah, aktiviti riadah, main catur, sukan renang, lakonan pentas bahasa Inggeris dan sebagainya kononnya untuk menyelamatkan anak-anak muda daripada maksiat, penyelewengan akidah, pengaruh zionis, fahaman sekular, gejala bohsia dan semuanya sekali.

Hakikatnya ialah negeri yang diperintah ulama pun tidak bebas daripada maksiat, kes rogol dan sumbang mahram, pembunuhan dan kecurian. Malah kenyataan polis mengatakan kesalahan seks dan maksiat makin meningkat di negeri yang di perintah ulama.

Peranan guru agama seperti ini di mana tugas utamanya ialah mengeluarkan fatwa pengharaman di sekolah adalah akibat ekstremis daripada usaha kita sendiri selama 15 tahun yang sudah untuk meningkatkan ciri-ciri keagamaan dalam semua aspek kehidupan. Maka banyak kegiatan di sekolah pun diagamakan.

Memang baik dan indah sekali untuk diterapkan nilai Islam dalam semua aspek kehidupan kita tetapi kita perlu membezakan antara Islam dan kehendak kaum tertentu yang lincah menjual nama nabi untuk tujuan pengaruh dan kuasa.

Ramai daripada golongan agama lazimnya lebih suka kepada mengharamkan sesuatu daripada membenarkannya. Bahasa Inggeris mempunyai satu istilah yang tepat untuk orang yang suka membantutkan kemajuan umat iaitu naysayers ataupun orang yang sentiasa pesimis dan tidak membenarkan banyak perkara.

Tetapi ada juga keadaan apabila yang sebaliknya pula berlaku. Ketika bertugas di sebuah bank, penulis pernah berurusan dengan pakar agama untuk menerbitkan bon pinjaman jangka pendek mengikut sistem perbankan tanpa faedah.

Penulis mendapati mereka bersetuju dan menghalalkan saja semua cadangan yang dibawa oleh pegawai-pegawai bank untuk menerbitkan bon pinjaman tanpa faedah itu.

Penulis hairan juga kerana dari segi teorinya beberapa perkara yang dibincangkan itu pernah dipertikaikan oleh pakar agama lain. Tetapi penulis menjadi lebih jelas apabila diberitahu bahawa pakar agama itu dibayar elaun dan yuran penasihat mengikut setiap mesyuarat yang dihadiri mereka. Jika sistem itu tidak menjadi maka mereka pun tidak perlu hadir dan tidak mendapat elaun dan yuran penasihat!

Selain daripada tahap pendidikan yang terhad ramai profesional agama termasuk guru agama mempunyai latar belakang sosio ekonomi yang terbantut. Seperti mana sudah disebutkan, seringkali orang menceburi bidang agama apabila mereka gagal menyertai bidang lain. Kelulusan terhad dalam peperiksaan tidak memberi mereka peluang menjadi profesional yang lain seperti ahli perniagaan, doktor, jurutera dan sebagainya. Jika tidak menjadi guru agama di sekolah kerajaan mereka menjadi guru tadika atau lebai kampung yang mengajar Quran. Mereka yang sudah menghafal Quran mungkin juga boleh menjadi imam terawih setahun sekali.

Begitu juga paling ramai daripada aktivis agama di kampus universiti juga mempunyai latar belakang sosio ekonomi yang daif. Mereka berasa serba kekurangan apabila bertemu dan bersaing dengan beribu penuntut dan pelbagai kaum yang mempunyai pandangan dan cara pemikiran yang jauh lebih luas.

Untuk mengatasi inferiority complex ini, mereka gunakan fahaman agama yang cetek sebagai perisai untuk menghukum dosa ke atas orang lain yang mungkin lebih bijak atau lebih bertaraf daripada mereka.

Perlu kita faham parti pembangkang yang menjual nama nabi juga menggunakan taktik yang sama. Paling ramai sekali ahli dan pemimpinnya mempunyai latar belakang yang daif dan miskin. Malang sekali kebanyakan mereka masih miskin dan daif walaupun kerajaan menyediakan pelbagai rancangan dan program bantuan untuk me-majukan umat. Fahaman agama yang cetek yang ada pada mereka tidak membenarkan mereka mencapai kemajuan yang diinginkan.

Oleh itu apabila bersaing atas kebolehan mentadbir dan membangunkan umat, mereka tewas. Yang tinggal hanya fahaman agama cetek yang menjadi ubat jualan mereka. Oleh itu untuk memancing undi orang yang lemah fikiran mereka membuat isu bahawa orang lain tidak membaca doa panjang. Mereka berebut untuk menjadi imam sembahyang dan kemudian menceritakannya kepada pengundi di kampung. Mereka menjeritkan takbir dalam masjid tetapi dengan tujuan untuk memalukan orang lain yang sembahyang di situ. Mereka laungkan hukum hudud yang mereka sendiri tidak tahu apa maksudnya dan mereka gagal menyiapkan memorandum untuk menjelaskan konsep agama mereka.

Paling sedikit sekali bekalan perjuangan yang dibawa mereka dari dulu sehingga sekarang. Mereka tidak membawa sebarang ilmu yang berguna atau perjuangan yang boleh hasilkan kemajuan bagi umat.

Seringkali mereka mendapat ilham daripada perjuangan kumpulan agama lain di merata dunia. Malang sekali bagi mereka perjuangan hampir semua kumpulan yang berteraskan agama di seluruh dunia, tidak kira mereka kumpulan progresif atau antiprogresif, juga belum tentu berlandaskan Islam. Mereka tidak menghasilkan sebarang pencapaian baik yang memanfaatkan umat.

Tidak ada satu pun kumpulan agama di atas muka bumi Allah ini yang telah membawa kemajuan yang boleh dibanggakan oleh umat kita.

Misalnya kumpulan progresif Islamic Society of North America atau ISNA dan juga International Institute of Islamic Thought atau IIIT di Washington membanggakan diri bahawa mereka adalah golongan profesional dan ahli pemikir Islam yang menerajui pemikiran moden dan progresif dalam dunia Islam. Tetapi perkara asas yang mereka lupakan ialah mereka hanya berupaya bergerak bebas untuk berfikir di Amerika Syarikat, sebuah negara yang dikuasai zionis, imperialis, ateis, ekstremis dan banyak is-is yang lain.

Undang-undang yang jelas dan tersusun, budaya ilmu, kemewahan dan kekayaan negara Amerika dan kebebasan untuk bersuara dan berfikir di negeri itu membolehkan paling ramai profesional Islam berhijrah ke sana untuk memulakan pergerakan progresif Islam. Paling ramai sekali ahli ISNA hidup makan gaji dengan orang Amerika termasuk orang Yahudi.

Tetapi mereka tetap dijangkiti penyakit holier than thou. ISNA misalnya pernah membatalkan jemputan kepada Dr Mahathir untuk berucap di perhimpunan tahunannya kerana mereka dirasuk pemikiran anasir-anasir tertentu yang lebih condong merusuh di tepi jalan di negara kita.

Mereka lebih memihak kepada banduan penjara daripada menghormati seorang pemimpin dunia yang sudah membangunkan sebuah negara yang sungguh maju. Dan golongan seperti ini menganggap diri mereka sebagai progresif.

Inilah gejala umat Islam di seluruh dunia. Mereka dikongkong golongan agama yang tidak berilmu. Mereka pandai membaca doa dan imamkan sembahyang tetapi mereka tidak berilmu. Segala langkah dan gerak ditegur dengan ancaman sesat, haram, antiagama, zionis dan sebagainya sehingga fikiran dalam otak menjadi beku. Mereka tidak dapat bersaing lagi kerana lebih takut dicap sesat daripada mencuba sesuatu yang baru.

Akhir sekali biar orang lain saja yang memimpin kita. Biar orang lain

saja yang menyediakan peluang kerja untuk anak kita. ISNA akan terus menggelar diri sebagai progresif tetapi hanya di Amerika Syarikat.
(END)